

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 4. BIL. 24.

BANDAR BRUNEI, RABU, 2 DECEMBER, 1959 (2 Jemadilakhir, 1379)

PERCHUMA

KEWAJIPAN PEGAWAI2 PERTADBIRAN

BANDAR BRUNEI. — Empat orang pegawai pertadbiran Negeri Brunei telah di-tetapkan menguruskan perbicharaan mahkamah di-Bandar Brunei mengikut geleran dan kelas masing2 sa-bagai magistrate.

Mereka itu ia-lah Yang Berhormat Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad bin Daud, Inche Sunny bin Ahmad, Pengiran Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan Inche Ali bin Awang Besar.

Orang Kaya Shahbandar ia-lah sa-orang magistrate kelas satu. Beliau akan menguruskan perbicharaan kelas satu dan dua pada hari Stipendiary Magistrate tidak dapat hadir di-mahkamah Bandar Brunei.

Inche Sunny, magistrate kelas dua, akan mendengar perbicharaan kelas dua dan tiga pada tiap2 hari Thalatha dan Khamis.

Pengiran Abdul Rahman dan Inche Ali ia-lah magistrate kelas tiga. Mereka akan mendengar perbicharaan kelas tiga sahaja tiap2 hari Rabu selang sa-minggu.

Peratoran baharu ini telah di-tetapkan berikutan dengan ran-

changan kerajaan hendak memberi peluang kepada pegawai2 tempatan mendapat kenaikan pangkat dan gaji yang lebih tinggi sa-telah mereka lulus dalam peperiksaan undang2 tempatan.

"Oleh kerana itu ada-lah memberi faedah kepada pegawai2 pertadbiran Brunei membiasakan diri mereka dengan pekerjaan mahkamah," kata suatu surat pe-

keliling mengumumkan peratoran itu.

Surat pekeliling itu berkata lagi :

"Pegawai2 yang di-wartakan sa-bagai magistrate dari beberapa kelas akan mempunyai kewajipan yang penoh di-mahkamah pada beberapa hari dalam sa-minggu sa-lain dari pekerjaan biasa-nya mulai dari 23 November."

Pegawai2 yang telah di-wartakan menjadi magistrate tetapi oleh kerana pekerjaan mereka telah berganda di-sebabkan oleh perubahan perlembagaan ada-lah di-kechuali dari menaiki mahkamah.

Akan tetapi mereka itu tetap menjadi magistrate untuk menjalankan pekerjaan di-bawah undang2 seperti menanda tangani.

TAMBANG KAPAL TERBANG DARI SINGAPURA KA-BRUNEI NAIK

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 40 orang yang terdiri dari pembesar2 negeri, pegawai2 kerajaan dan ketua2 kaum telah di-undang oleh sharikat Malayan Airways menaiki kapal terbang Viscount-nya dalam penerbangan perhubungan di-sini dalam minggu lepas.

Antara tetamu itu ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanul Bolkiah.

Dalam penerbangan perhubungan itu mereka telah di-terbangkan ka-angkasa Labuan dan Seria dalam beberapa minit sahaja.

Kapal terbang Viscount yang lebih laju dari kapal terbang Dakota itu ada-lah di-jadualkan berkhidmat antara Singapura dengan kawasan2 Borneo British mulai 14 December ini.

Apabila perkhidmatan Viscount itu di-mulakan kelak tam-

bang antara Singapura dengan kawasan2 Borneo British akan dinaikkan 10 peratus.

Kenaikan tambang itu mengenai penumpang2 kapal terbang Dakota yang akan terus di-gunakan juga antara Singapura dengan Borneo.

Pegawai2 tempatan mendapat latehan

BANDAR BRUNEI — Ranchangan hendak menjadikan Radio Brunei satu perkhidmatan yang 100 peratus di-penohi oleh anak2 Brunei ada-lah di-jalankan dengan sa-sungguh-nya oleh pejabat itu.

Dalam satu siaran soal jawab yang di-kemukakan oleh sa-orang peminat radio, Radio Brunei menyatakan bahawa 5 orang daripada kaki tangan bahagian teknik pejabat itu sedang berlateh di-England.

Sa-lain daripada kaki tangan yang berlateh di-England itu Radio Brunei telah juga menghantar sa-orang ahli teknik-nya ka-Malaya untuk mendapat latehan di-pejabat Radio Malaya.

Dalam bahagian ranchangan pula 3 orang anak Brunei telah di-lateh di-Sarawak, Malaya dan Singapura.

Sa-orang lagi anak Brunei dari bahagian ranchangan ada-lah di-jadualkan berlateh di-Malaya dalam tahun hadapan.

Penjara kerana memechah rumah

KUALA BELAIT. — Dua orang Melayu, Zakaria bin Malim Din dan Wahab bin Taha telah di-hukum penjara sa-lama 12 bulan dan 4 bulan oleh Magistrate Tuan R.G.P.N. Combe kerana kesalahan memechah rumah dan menchuri.

Mereka telah di-tudoh menchuri radio dan battery-nya, sa-buah machine jahit dan sa-buah jam meja dari rumah Mydeen bin Tambi Usa di-Kampong Seberang pada 3 November.

Dalam satu tuduhan lain Wahad telah di-dapati salah menchuri basikal Inche Saim bin Abu, sa-orang kaki tangan Pejabat Penerangan Kuala Belait. Kesalahan itu di-lakukan-nya pada 11 November.

Atas kesalahan ini Wahab telah di-hukum penjara sa-lama sa-bulan.

2 PEMBUNOH DI-GANTONG

JERUDONG. — Dua orang Iban, Bunto anak Unyan dan Nanganak Tugir telah di-gantong di-penjara Jerudong pada pagi 26 November.

Mereka itu telah di-kenakan hukuman oleh mahkamah tinggi Brunei kerana kesalahan membunuh sa-orang pekedai China, Lim Tiaw Sim, di-Temburong dalam bulan February tahun ini.

Rayuan mereka supaya hukuman itu di-rengankan telah ditolak.



Bandar Brunei kelihatan dari kapal terbang Viscount yang telah mengadakan penerbangan perhubungan di-angkasa Brunei pada hari Ahad lepas. Masjid Omar Ali Saifuddin kelihatan di-kelilingi oleh londang-nya yang baharu siap itu.

HAMPIR 2,000 LIHAT PAMERAN LUKISAN SHELL

BANDAR BRUNEI. — Pertunjukan lukisan oleh pelukis2 yang terkenal dari beberapa buah negeri telah mendapat sambutan baik daripada peminat2 lukisan pada masa pertunjukan itu di-langsungkan di-dewan Civic Centre di-sini pada 25 hingga 27 November lepas.

Hampir 2,000 orang termasuk pembesar2 negeri telah datang menyaksikan pameran tersebut.

Pertunjukan itu di-adakan di-bawah anjoran sharikat minyak Brunei Shell.

Sa-hari sa-belum pertunjukan itu di-buka kepada orang ramai sharikat minyak Shell telah men-

Pentas telaga minyak di-rombak

SERIA. — Pentas telaga minyak laut yang di-Hankin itu ialah pentas yang akhir sa-kali didirikan oleh sharikat minyak Shell di-Borneo.

Pada bulan June tahun lepas, kerja mengorek minyak di-laut telah di-berhentikan sa-takat dalam lebeh dari 8,000 kaki dan telaga minyak itu telah di-tinggalkan kerana minyak tidak di-jumpai.

Lain2 telaga minyak yang telah di-korek dari pentas2 laut yang di-dirikan di-Ampa Patches dan Siwa telah juga di-dapati kering dan telah di-tinggalkan.

Sekarang mengorek sa-chara menyiasat ada-lah di-jalankan oleh Kapal Korek 'Orient Explorer'.

TARIKH MENERIMA MURID2 BAHARU

BANDAR BRUNEI. — Sekolah2 Melayu Negeri Brunei akan di-tutup kerana kelepasan penggal akhir mulai 13 December dan di-buka sa-mula pada 3 January tahun hadapan.

Sa-hingga ka-akhir bulan November yang lepas adalah sa-banyak 51 buah sekolah2 Melayu dalam Negeri Brunei, mengandungi sa-ramai 7,196 murid2 ia-itu 4,622 murid2 laki2 dan 2,574 murid2 perempuan.

Dua buah lagi sekolah2 Melayu akan di-buka pada awal tahun hadapan, ia-itu di-Subok, Daerah Brunei dan di-Kampung Bukit, Ulu Tutong.

Ibu bapa yang hendak memasokkan anak2 mereka ka-sekolah2 Melayu, adalah di-beri tahu bahawa pendaftaran murid2 yang baharu akan di-terima di-tiap2 sekolah Melayu mulai 3 January hingga 17 January.

Kanak2 yang berumur di-antara 6 tahun dan 14 tahun sahaja akan dapat di-terima oleh pihak yang berkenaan untuk belajar di-darjah2 permulaan tersebut.

LAWATAN WANITA KATEK

SERIA. — Sa-orang perempuan katek dari Indonesia Hajjah Fatimah, sedang mendapat perhatian ramai di-mana jua ia berada di-kawasan ini semenjak sampai dari Kalimantan lebeh kurang dua minggu dahulu kerana berkunjung ka-Brunei.

Hajjah Fatimah berumur 30 tahun lebeh kurang hanya-lah 2½ kaki tinggi-nya.



Hajjah Fatimah

Ia telah jauh menjajah dan pernah sampai di-Amerika Eropah dan negeri2 Tenggara Asia.

Hajjah Fatimah ia-lah juga sa-orang wanita yang berjiwa ke-ugamaan. Ia telah mengadakan sharahan ugama di-beberapa tempat di-Seria.

Hajjah Fatimah berchadang hendak melawat ka-Bandar Brunei dalam minggu ini.

jemput pegawai2 kerajaan dan guru2 sekolah menyaksikan-nya.

Antara tetamu yang hadir ialah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Menteri Besar Yang Amat Berhormat Dato Haji Ibrahim, Pemangku Pesuruh Jaya Tinggi, Yang Berhormat Tuan G.L. Gray dan Setiausaha Kerajaan, Yang Berhormat Inche Wan Ahmad bin Wan Omar.

Kebanyakan lukisan itu adalah berwarna warni dan menun-jukkan pemandangan di-sekitar perusahaan minyak.

Lukisan2 itu telah di-pamerkan di-dewan Orang Ramai Seria sa-belum di-pertunjukan di-sini.

Penuntut2 Brunei balek dari Malaya kerana berchuti

BANDAR BRUNEI. — Lebeh 40 orang penuntut2 Brunei di-Malaya dan Borneo Utara ada-lah di-jadualkan balek ka-negeri ini dalam bulan ini kerana berchuti hujung tahun.

Sa-ramai 24 orang guru pelatih yang menuntut di-Maktab Latihan Guru2 di-Kota Baharu, Malaya telah pun sampai di-sini pada 28 November lepas.

Mereka itu balek dengan kapal terbang dan telah di-sambut oleh ahli2 keluarga mereka, pegawai2 pejabat pelajaran dan sahabat handai di-lapangan terbang Berakas.

Enam orang guru pelatih adalah di-jadualkan sampai dari Borneo Utara esok. Mereka itu menuntut di-Maktab Perguruan Kent College, Tuaran. Pada 4 December enam orang lagi penuntut2 Brunei di-Kent College akan balek ka-sini dengan kapal terbang juga.

Penuntut2 Brunei yang belajar di-sekolah menengah Tuanku Abdul Rahman di-Ipoh sa-ramai 12 orang akan balek pada 9 Dec.

Pada 12 December 3 orang guru yang mengambil kursus di-Sultan Idris Training College, Tanjong Malim, Malaya pula akan sampai.

Penuntut2 yang belajar di-sekolah Arab Al-Junid Singapura

di-jangka balek ka-Brunei kerana berchuti sa-belum bulan puasa tahun hadapan.



Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Dato Haji Ibrahim bin Jahfar ia-lah salah sa-orang pembesar negeri yang telah mengunjungi pameran lukisan anjoran Shell di-Civic Centre dalam minggu lepas.

RANCHANGAN SAMBUTAN ULANG TAHUN PERSATUAN GURU2 MELAYU BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Temasha kerana menyambut hari ulang tahun ke-20 Persatuan Guru2 Melayu Brunei akan di-mulakan pada 28 December ini di-sini.

Temasha yang akan berlangsung sa-lama empat hari itu telah di-persetujukan oleh persatuan tersebut dalam satu meshuarat pada hari Juma'at lepas.

Pada malam 28 dan 30 December persatuan itu akan mengadakan malam aneka warna di-dewan Civic Centre, Bandar Brunei.

Pada malam 30 December maj-

lis cheramah akan di-adakan di-dewan itu juga dan sa-orang pensharah yang terkenal dari Indonesia, Kiai Annuar Musadad ada-lah di-jangka memberi sharahan dalam cheramah itu.

Persatuan itu akan mengadakan satu jamuan khas pada malam 29 December.

Pada petang 28 December satu perlantikan bola sepak antara pasukan champoran guru2 Daerah Belait dan Tutong dengan pasukan champoran guru2 Daerah Brunei dan Temburong akan di-adakan di-padang bandar ini.

Majlis Perkhidmatan Kaum hadiahkan tujuh dermasiswa kepada penuntut2

KUALA BELAIT. — Majlis Perkhidmatan Kaum Seria telah mengumumkan bahawa dermasiswa sa-lama empat tahun telah di-hadiahkan kepada penuntut2 yang layak supaya mereka dapat belajar sa-hingga darjah school leaving certificate.

Penuntut2 yang mendapat dermasiswa itu ia-lah tiga orang dari St. Angela's Convent, tiga orang dari St. Michael's School dan sa-orang dari Anthony Abell College, Seria.

Dermasiswa itu berharga \$150 sa-tahun. Wang itu akan di-

gunakan kerana membeli buku, bayaran sekolah dan lain2 perbelanjaan.

Sa-ramai 88 orang penuntut telah masuk peperiksaan kerana merebutkan dermasiswa tersebut.

Peperiksaan itu di-adakan di-sekolah St. Michael, Seria.

MENARA V. H. F. UNTUK MEMBAIKI PERHUBONGAN TALIPON DI-BRUNEI

Di-dirikan dalam tempoh sa-bulan oleh 4 pekerja khas dari Pejabat Talikom

KUALA BELAIT. — Sate-ngah2 orang biasa-nya berasa gayat dan ngeri memandang ka-bawah dari tempat2 yang tinggi terutama-nya jika tempat itu menirus ka-atas dan terdedah menchakar langit.

Tetapi perasaan ini tidak mengganngu kewajiban empat orang pekerja pejabat talikom yang sedang giat membena menara VHF di-sini semenjak beberapa minggu yang lalu.

Mereka itu berkhidmat khas kerana memanjat tiang2 yang tinggi dan mendirikan tiang2 wireless yang di-perlukan kerana kecekapan perhubungan talikom antara pusat2 talikom di-negeri ini.

Sa-bagai pekerja pejabat talikom ketua mereka ia-lah Penguasa Talikom Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra.

Tujuan membena menara wireless VHF di-Kuala Belait itu ia-lah kerana hendak membaiki lagi pancharan suara talipon antara Kuala Belait dengan Bandar Brunei supaya perchakapan lebeh nyata dapat di-dengar.

"Keadaan ini hanya dapat dilaksanakan dengan membena menara yang lebeh tinggi dari tiang wireless yang ada sekarang," kata Pengiran Kerma Indra.

Menara itu ia-lah 150 kaki tingginya hingga ka-kemunchak ia-itu menjadikan menara itu bangunan yang tinggi sa-kali di-kawasan bandar Kuala Belait.

Sungguh pun demikian menara itu tidak-lah dapat di-katakan menara VHF atau bangunan yang tinggi sa-kali di-Brunei.

Keistimewaan ini terpulung ka-pada suatu menara lain yang di-punyai oleh sharikat minyak Shell di-Seria kerana kegunaan perhubungan VHF antara pusat2 talikom sharikat itu.

Tinggi-nya menara VHF sharikat minyak Shell itu ia-lah 250 kaki.

Tetapi untuk Brunei ketinggian yang sa-demikian itu ada-lah di-fikirkan menchukupi kerana gelombang suara yang di-salurkan antara Brunei dengan Kuala Belait tidak di-halang oleh bukit2 dan gunung2 yang tinggi.

Pekerja2 yang mendirikan menara itu ada-lah semua-nya rayat negeri ini. Mereka itu dilateh khas kerana membena dan memanjat menara VHF di-bawah jagaan pejabat talikom.

Mereka itu telah di-lateh lebeh kurang enam tahun dahulu pada masa membena menara VHF di-Bukit Salilia di-Bandar Brunei dalam tahun 1953.

"Kami di-galakkan mendirikan tiang2 wireless dan menara VHF oleh sa-orang jurutera talikom yang pada masa itu berkhidmat

di-Brunei," kata Inche Zaini bin Mohamed Yassin, ketua mereka.

Inche Zaini telah berkhidmat dengan pejabat talikom sa-lama 14 tahun. Rakan2-nya ia-lah Awangku Tuah bin Pengiran Mat-tali, Awangku Mohidi bin Pengiran Omar dan Ali Hussin bin Salleh.

Semenjak tahun 1953 pekerja2 yang berani itu telah membena tiang2 wireless di-Tutong dan Temburong dan juga tiang wireless di-Kuala Belait yang akan di-gantikan dengan menara VHF yang sedang di-dirikan sekarang.

Tiang wireless di-Muara telah di-dirikan oleh mereka juga, tetapi tiang itu telah di-rombak tidak lama kemudian.

Oleh sebab kerja mereka itu di-sifatkan sa-bagai satu pekerjaan yang merbahaya, pertimbangan telah di-beri untuk mense-suaikan pendapatan dengan bahaya yang di-hadap sa-masa bekerja.

"Mereka itu menerima allowance khas tiap2 bulan sa-lain dari gaji biasa sa-bagai tradesman dalam perkhidmatan kerajaan," kata Pengiran Kerma Indra.

Allowance itu di-bayar walau pun mereka tidak di-kehendaki memanjat dalam sa-suatu bulan kerana membaiki kerosakan pada alat2 pemancar gelombang suara di-kemunchak tiang wireless atau menara VHF itu.

Sa-telah berkhidmat beberapa tahun dan membena beberapa buah menara, VHF dan tiang2 wireless yang tinggi, kerja itu tidak lagi mengerikan mereka.

Inche Zaini menegaskan:

"Pada mula2-nya kami berasa bimbang saperti lain2 orang memanjat tiang2 yang tinggi dan apabila sampai di-atas takut pula memandang ka-bawah.


"Sekarang kami sifatkan kerja itu sa-bagai kerja biasa sahaja

saperti kata orang alah bisa sebab biasa."


Keempat2 orang itu di-tempatkan di-Bandar Brunei di-ibu pejabat talikom dan di-hantar membaiki menara VHF dan tiang wireless di-mana jua di-negeri ini.

Kerana membena menara VHF di-Kuala Belait itu mereka di-hantar dengan kereta pada tiap2 pagi Ithnin dan di-bawa balek ka-Bandar Brunei sa-telah habis masa bekerja pada hari Sabtu.


Dengan chara itu dapat-lah menara itu siap di-dirikan dalam tempoh yang di-anggap chepat jika di-pandang dari segi besar dan tinggi menara itu.



Menara VHF yang 150 kaki tinggi ini di-dirikan dalam masa sa-bulan sahaja.




Bangunan pejabat kerajaan baharu di-Kuala Belait di-gambar dari menara VHF yang di-dirikan tidak jauh dari bangunan itu.



Kawasan perumahan Kuala Belait kelihatan dari kemunchak menara memandang arah ka-Sungai Belait.



Kiri — Pekerja2 sedang memanjat menara; kanan, satu lagi pemandangan Bandar Kuala Belait dari menara VHF



PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI SA-PENOH-NYA

Mulai dengan keluaran ini Pelita Brunei akan menyiarkan dengan sa-penoh-nya kandungan Perlembagaan Negeri Brunei yang telah di-ishtiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia di-Lapau Diraja, Bandar Brunei pada 29 September lepas.

Sungguh pun ringkasan perlembagaan itu telah di-siarkan dalam keluaran khas Pelita Brunei pada hari itu, tetapi oleh sebab perlembagaan itu mustahak di-ketahui oleh seluruh ra'ayat, Pelita Brunei adalah mengambil kesempatan memenohi ruangan ini dengan kandungan perlembagaan itu sa-hingga ka-akhir-nya.

Perlembagaan itu di-kanunkan dalam bahasa Melayu (huruf Jawi) dan Inggeris. Naskhah Melayu-nya mengondongi 68 muka surat dan terbahagi kepada 12 bahagian.

Dengan kurnia Tuhan kami Sultan Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin Ibnu Almerhum Mohamed Jamal-ul Alam Sultan dan Yang di-Pertuan Raja dan Kepala Bagi Darjah Kerabat Yang Amat di-Hormati, Raja dan Kepala Bagi Mahkota Brunei Yang Amat Mulia, Darjah Utama Sri Mahkota Negara, Darjah Kerabat Yang Utama (Kelantan), Honorary Knight Commander of the Most Distinguished Order of Saint Michael and Saint George, Sultan Negeri Brunei serta sakalian jajahan ta'alok rantau dan pesisir-nya.

Bahawa ada-lah kami telah membuat pemashhoran (Dalam Perlembagaan ini di-sebut sa-bagai "Pemashhoran Mengangkat Raja dan Melantek Pemangku Raja") ia-itu berkenaan dengan beberapa perkara yang mengenai kami, ganti2 kami dan kerabat kami;

Dan bahawa kami berhajat hendak memerintah menurut perlembagaan dan menurut undang2 dan juga hendak beransor2 mengadakan badan2 dan chara2 perwakilan dalam pemerintahan negeri;

Dan bahawa kami dengan nasihat dan persetujuan kerabat2 Diraja dan pembesar2 menurut adat istiadat telah memutuskan supaya kerajaan negeri kami ka-hadapan kelak hendak-lah di-jalankan yang tersebut di-bawah ini:

Oleh yang demikian maka kami, dengan hak2 dan kuasa2 kami sa-bagai Sultan Negeri Brunei serta sakalian jajahan ta'alok rantau dan pesisir-nya, ada-lah memashhorkan dengan nama kami dan bagi pehak diri kami dan bagi pehak ganti2 kami sa-bagaimana yang tersebut di-bawah ini:

BAHAGIAN I PERMULAAN GELARAN DAN PERMULAAN

1. (1) Perlembagaan ini boleh di-gelarkan Perlembagaan Negeri Brunei, 1959.

(2) Terkechawali jika ada berlainan tersebut dalam perlembagaan ini, maka perlembagaan ini akan berjalan kuat kuasa-nya pada tarikh yang di-tetapkan oleh Sultan dengan siaran dalam warta kerajaan dan boleh-lah Sultan menitah supaya perlembagaan ini atau mana2 kandungan-nya berjalan kuat kuasanya pada tarikh yang berlainan2.

2. (1) Dalam perlembagaan ini, "Anak Brunei" bermaksud me-

kechawali jika maksud-nya berkehendakkan ma'ana yang lain — lainkan jika cheraian (ii) dari bab 29 terpakai, ra'ayat Sultan menurut undang2 bertulis berkenaan dengan kera'ayatan;

"Ugama Islam" bermaksud Uga-ma Islam menurut ahli Al-sunnah Waljemaah;

"Undang2 bertulis" bermaksud undang2 (Enactment) pemashhoran (Proclamation) dan undang2 tambahan (subsidiary legislation) atau mana2 bahagian daripadanya, tetapi tidak termasuk mana2 undang2 parlemen (Act of Parliament) atau perintah dalam majlis meshuarat Seri Baginda Queen (Order of Her Majesty in Council) kurnia Diraja (Royal Charter) atau warkah2 Diraja (Royal Letters Patent) atau mana2 Undang2 yang tiada boleh di-pinda oleh barang siapa pun dalam negeri;

"Jurutulis Majlis Meshuarat Diraja" termasuk orang yang di-lantek oleh Sultn menjadi timbalan jurutulis majlis itu;

"Jurutulis Majlis Meshuarat Kerajaan" termasuk orang yang di-lantek oleh Sultan menjadi timbalan jurutulis majlis itu;

"Jurutulis Majlis Meshuarat Negeri" termasuk orang yang di-lantek oleh Sultan menjadi timbalan jurutulis majlis itu;

"Jemaah Pemangku Raja" bermaksud Jemaah Pemangku Raja yang di-lantek di-bawah cheraian (1) bab 13 dari pemashhoran Mengganti Raja dan Melantek Pemangku Raja;

"Jawatan Hakim Tinggi" bermaksud jawatan hakim mahkamah tinggi, atau mahkamah yang boleh membicarakan sa-barang perkara mal atau jenayah dengan tiada berhad, atau mahkamah yang boleh menimbangkan rayuan2 daripada mahkamah yang tersebut;

"Jawatan Kerajaan" bermaksud jawatan bergaji di-bawah kerajaan negeri tetapi tidak-lah termasuk Sultan, jawatan Pemangku Raja, Wazir2 atau ahli2 Majlis Meshuarat Daerah;

"Hasil dan wang fund (Fund) Ugama Islam" bermaksud sakalian hasil dan wang fund yang tersebut dalam bahagian IV dari Undang2 Ugama, 'Adat Istiadat Negeri dan Mahkamah2 Kadhi, 1955;

"Hak penchen" termasuk hak menerima penchen sa-telah sampai umur menerima penchen dan hak menerima wang provident fund;

"Ra'ayat British" ma'ana-nya sama seperti dengan ma'ana yang telah di-beri kapada-nya oleh Undang2 Kebangsaan British, 1948 sa-bagai mana yang di-pinda dari-pada suatu masa ka-suatu masa;

"Setiausaha Kerajaan" bermaksud pegawai yang di-lantek di-bawah fasal (1) cheraian (iv) bab 4;

"Setiausaha Negara" bermaksud salah satu daripada Setiausaha kanan kapada Seri Baginda Queen;

"Sultan" bermaksud Sultan Negeri Brunei dan termasuk —

(1) Jika ada Jemaah Pemangku Raja, jemaah itu; dan

(2) Jika ada Timbalan Sultan di-beri kuasa menjalankan perkerjaan Sultan, Timbalan itu;

"Sultan dalam Majlis Meshuarat" bermaksud Sultan bertindak sa-sudah berunding dengan Majlis Meshuarat Kerajaan tetapi tidak sa-perlu-nya menurut nasihat majlis tersebut atau pun sa-masa majlis itu bersidang;

"Surat Perintah" termasuk mana2 siaran dalam warta kerajaan, sama ada atau tidak siaran itu chuma menyatakan perbuatan sa-suatu perkara atau kejadian sa-suatu perkara, atau hanya memberi tahu akan sa-suatu hal;

"Peratoran Meshuarat" bermaksud peratoran2 yang di-buat di-bawah bab 48;

"Peruntukan Diraja" bermaksud peruntukan yang di-beri untuk tanggungan Sultan atau Permaisuri ia-itu daripada wang negeri;

"Persidangan" Majlis Meshuarat Negeri bermaksud masa majlis itu bersidang terus menerus dengan tiada tanggungan, dan termasuk masa majlis itu bersidang sa-bagai komiti;

"Pesuruh Jaya Tinggi" bermaksud Pesuruh Jaya Tinggi Seri Baginda Queen dalam Negeri Brunei, dan sebutan Pesuruh Jaya Tinggi termasuk sa-siapa yang masa itu menjalankan pekerjaan Pesuruh Jaya Tinggi;

"Pegawai Kewangan Negeri" bermaksud pegawai yang di-lantek di-bawah fasal (d) cheraian (4) bab 4;

"Pegawai Kebajikan Masharakat" bermaksud pegawai yang di-lantek oleh Sultan dan bertanggung jawab kapada-nya berkenaan dengan kebajikan masharakat Islam dalam negeri;

"Pegawai Kerajaan" bermaksud pemegang jawatan kerajaan dan termasuk orang yang di-lantek memagku jawatan itu;

"Pegawai Negara" bermaksud pegawai yang di-lantek menurut fasal (b) cheraian (4) bab 4;

"Pembentuk Undang2" bermaksud pehak yang berkuasa membuat undang2 bagi negeri;

"Pemeriksa Kira2 Negeri" bermaksud pegawai yang di-lantek menurut cheraian (1) bab 66;

"Pemangku Raja" bermaksud Pemangku Raja yang di-lantek di-bawah cheraian (1) bab 13 dari pemashhoran Mengganti Raja; dan Melantek Pemangku Raja;

"Penasihat Ugama" bermaksud orang yang bertaraf dan termashhor lagi ternama yang di-kenali sa-bagai Dato Perdana Menteri atau sa-siapa yang di-lantek oleh Sultan memegang jawatan itu;

"Majlis Meshuarat Daerah" bermaksud badan yang di-tubuhkan sa-bagai majlis meshuarat daerah oleh mana2 undang2 bertulis;

"Majlis Meshuarat Diraja" bermaksud Majlis Meshuarat Diraja yang di-tubuhkan oleh cheraian (1) bab 5;

"Majlis Meshuarat Kerajaan" bermaksud majlis meshuarat kerajaan yang di-tubuhkan oleh bab 10;

"Majlis Meshuarat Negeri" bermaksud Majlis Meshuarat Negeri yang di-tubuhkan oleh bab 23;

"Mahkamah Tinggi Sarawak, Borneo Utara dan Brunei;

"Meshuarat" Majlis Meshuarat Negeri bermaksud sakalian persidangan yang di-adakan oleh majlis itu dari timpoh majlis itu mulai bersidang sa-lepas di-panggil pada bila2 masa sampai masa majlis itu di-tanggihkan (dengan tiada di-tetapkan masa meshuarat yang akan datang) atau sampai masa majlis itu di-tamatkan musim pemeshuaratan-nya atau sampai masa majlis itu di-bubarkan dengan tiada di-tamatkan musim pemeshuaratan-nya;

"Menteri Besar" bermaksud pegawai yang di-lantek di-bawah cheraian (3) bab (4);

"Musim Pemeshuaratan" Majlis Meshuarat Negeri bermaksud meshuarat2 yang di-adakan oleh majlis itu mulai dari masa majlis itu bermeshuarat pada kali yang pertama sa-lepas majlis itu di-tubuhkan di-bawah perlembagaan ini, atau sa-lepas musim pemeshuaratan-nya di-tamatkan atau sa-lepas majlis itu di-bubarkan pada bila2 masa, sampai majlis itu di-tamatkan musim pemeshuaratan-nya atau sampai majlis itu di-bubarkan dengan tiada di-tamatkan musim pemeshuaratan-nya;

"Mohor Kerajaan" bermaksud mohor kerajaan yang tersebut dalam bab 79;

"Negeri" bermaksud Negeri Brunei Darussalam;

"Negeri Commonwealth" bermaksud Negeri United Kingdom, Canada, Australia, New Zealand, Persatuan Afrika Selatan, India, Pakistan, Ceylon, Ghana, Persekutuan Tanah Melayu, Negeri Singapura dan lain2 negeri yang telah di-ishtiharkan oleh undang2 parlemen Negeri United Kingdom menjadi negeri2 commonwealth dan "sa-bahagian daripada Commonwealth" bermaksud mana2 negeri2 commonwealth-nya, mana2 jajahan ta'alok, mana2 negeri naungan dan mana2 negeri yang di-tadbirkan oleh mana2 negeri commonwealth;

"Wazir yang kanan" bermaksud orang yang bertaraf dan mashhor lagi ternama yang di-kenali sa-bagai Duli Pengiran Bendahara dan "wazir2" bermaksud Duli Pengiran Bendahara dan Duli Pengiran Pemancha;

"Hutang" termasuk tanggungan membayar balek jumlah2 mudal dengan bayaran tiap2 tahun dan juga termasuk tanggungan menjamin hutang orang lain;

"Yang Di-Pertua Adat Istiadat" bermaksud orang bertaraf dan termashhor lagi ternama yang di-kenali sa-bagai Duli Pengiran Pemancha atau sa-siapa yang di-lantek oleh Sultan kerana memeggang jawatan itu.

(2) Dalam perlembagaan ini kalau ada tersebut sa-barang pegawai kerajaan dengan gelaran jawatan-nya, maka sebutan itu termasuk pegawai yang pada masa itu melakukan pekerjaan2 jawatan itu.

(3) Bagi maksud2 perlembagaan ini maka sa-saorang itu tidak di-sifatkan memegang jawatan kerajaan chuma kalau dia hanya menerima penchen atau allowance sa-umpama itu kerana perkhidmatan-nya dengan Seri Baginda Queen atau dengan Kerajaan Brunei.

(4) Jika di-ishtiharkan oleh mana2 undang2 yang berkuat kuasa dalam negeri bahawa sa-suatu jawatan bukan-nya kerajaan bagi semua atau mana2 maksud perlembagaan ini, maka perlembagaan ini akan berkuat kuasa sa-olah2 undang2 tersebut itu terkandung di-dalam perlembagaan ini.

(5) Perkataan "Perlembagaan ini" di-dalam perlembagaan ini, tidak bermaksud, melainkan jika maksud-nya berkehendakkan ma'ana yang sa-demikian, undang2 tambahan yang di-buat di-bawah perlembagaan ini.

(6) Kechewali sa-bagai terkandung dalam perlembagaan ini atau kechewali jika maksud-nya berkehendakkan ma'ana yang lain, maka Undang2 Tafsiran dan Perkara2 Am tahun 1959. (Kechewali bab 30, 31 dan 42) ada-lah di-pakai bagi mentafsirkan perlembagaan ini sa-bagaimana ia-nya di-pakai bagi mentafsirkan lain2 undang2 bertulis.

Chara menyediakan tanah mungkin di-ubah

BANDAR BRUNEI. — Chara menyediakan tanah kerana pertanian di-negeri ini mungkin menempoh perubahan besar jika ranchangan hendak membawa masuk tajak2 jentera dari Negeri Jepun dijalankan.

Dalam dua perhubungan menggunakan tajak jentera itu yang diadakan di-Kampung Tanjong Nangka, batu 12 Jalan Tutong dan di-Kilanas dalam minggu lepas petani2 dari seluruh negeri telah tertarik oleh kecekapan tajak tersebut.

Tajak itu boleh di-gunakan kerana menyediakan tanah sawah dan menggemborkan tanah darat kerana pertanian.

Jika di-kehendaki perkakas-nya boleh di-tukar untuk memotong rumput sa-belum tanah itu di-tajak.

Jentera tajak yang di-chuba di-batu 12 dan di-Kilanas itu mempunyai kekuatan enam kuda. Ia-nya boleh menyediakan tanah sa-luas sa-ekar dalam tempoh tujuh jam lebih kurang.

Tetapi jika jentera itu di-jalankan oleh sa-orang yang mahir menggunakan-nya masa itu akan dapat di-kurangkan sa-hingga 4½ atau 5 jam sahaja.

Jentera tajak itu berharga \$4,000 lebih kurang termasuk perkakas2 spare-nya. Ia boleh mengharong ayer hingga ka-lutut

dalam-nya.

Ia-nya menggunakan minyak diesel dan boleh berjalan sa-lama 10 jam atas 1½ gelen minyak. Ini bermaana perbelanjaan menggunakan-nya hanya-lah 12 sen dalam satu jam.


Pegawai Tanaman Negeri, Yang Berhormat Inche Hamidoon bin Awang Damit berka-

ta bahawa kemungkinan tajak jentera itu di-gunakan di-Brunei bergantung pada perkhidmatan mekanik yang mengetahui hal ahwal jentera itu.

"Kami akan mengeshorkan supaya dua atau tiga orang pemuda dari tiap2 daerah di-lateh terlebih dahulu supaya mereka tahu membaiki-nya sa-belum petani2 di-negeri ini membeli atau menyewa tajak itu," kata, Inche Hamidoon.

Sama ada tajak jentera itu akan di-sewakan kepada orang2 kampung atau di-punya oleh mereka sa-chara bersharikat adalah sedang di-timbangan.

Tajak jentera yang lebih mudah berharga \$2,000 lebih kurang tetapi kekuatan-nya hanya-lah 4 kuda sahaja.



Yang Berhormat Inche Hamidoon bin Awang Damit, Pegawai Tanaman Negeri Brunei menunjukkan kepada petani2 dari seluruh negeri bagaimana menggunakan tajak jentera yang di-chadangkan bagi di-gunakan kerana menyediakan tanah sawah di-negeri ini.

KEJAYAAN PEGAWAI KASTAM

TUAN Teo Kim Yau, Penyelia Kastam Belait yang sekarang ini mengambil kursus kastam di-United Kingdom ada-lah diberitakan telah mendapat kejayaan istimewa dalam peperiksaan yang di-anjorkan oleh pihak yang berkuasa Kastam dan Excise di-London.

Tuan Teo di-jangka balek ka-Brunei pada awal tahun hadapan.

TUAN K. S. Leeston-Smith, Ketua Polis Brunei telah di-raikan oleh anggota pasukan Polis Brunei pada malam Ahad lepas dalam satu majlis perpisahan di-kawasan Polis Bandar Brunei.

Tuan Leeston-Smith telah digantikan oleh Tuan Outram sebagai ketua polis dengan gelaran Pesuruh Jaya Polis mengikut perubahan dalam perlembagaan.

YANG Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Pegawai Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri Brunei yang telah berangkat ka-Malaya kerana menghadiri persidangan Lembaga Penasihat Haji di-Malaya telah balek ka-Brunei dalam minggu lepas.

PERSATUAN.—Brunei Amateur Boxing Association telah mengadakan meshuarat di-Brunei Hotel, Bandar Brunei pada hari Ahad lepas. Meshuarat itu di-pengerusikan oleh Tuan R. D. Ross.

ANGGOTA TENTERA BERI BANTUAN MENYUKAT TANAH NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Captain R.M. Kennedy dari pasukan 84 Field Survey Squadron, Royal Engineer, telah tiba di-sini pada 19 November 1959 dengan kapal terbang dari Jesselton.

Beliau ia-lah ketua satu pasukan sukat yang akan bekerjasama dengan Jabatan Ukur Brunei selama enam hingga sembilan bulan yang akan datang.

Tugas pasukan itu ia-lah untuk menolong Kerajaan Brunei membuat peta2 muka bumi di-seluruh Negeri Brunei.

Pasukan Captain Kennedy ada-lah di-bawah pemerintahan pusat tentera di-Persekutuan Tanah Melayu dan telah menjalankan kerja2 mengukur di-Malaya, Survey Squadron itu telah membuat peta2 yang lengkap bagi kawasan2 hutan yang belum cukup di-peta untuk kegunaan pasukan2 keselamatan.

SUAR pelayaran di-Pilong Rock bertentangan dengan Muara yang di-beritakan telah padam oleh Captain kapal "Bruas" sedikit hari dahulu telah di-pasang sa-mula.

Suar itu memandu nelayan2 dalam pelayaran.

Denda kerana berjudi

KUALA BELAIT. — Sembilan orang yang telah di-berkas oleh Polis dalam satu serbuan di-batu 2 Jalan Utara pada hari Ahad lepas telah di-bicarakan di-hadapan Magistrate Tuan R.G.P.N. Combe atas tuduhan berjudi.

Sa-orang daripada mereka telah mengaku salah atas tuduhan menguruskan suatu tempat judi. Orang itu ia-lah Yun Chow yang telah di-denda \$100 jika tidak di-bayar di-penjara sa-bulan.

Orang2 lain yang di-denda ia-lah :

Lee Khien Vun \$25, Lee Hok Woon \$5, Lee Tow Woon \$5, Ambrose Balang \$25, Chia Yun Fah \$25, Austin anak Merayang \$25, Liew Ying Yee \$25, Liew Kon Fatt, \$25.

LAPANGAN TERBANG MENDAPAT PUJIAN

BANDAR BRUNEI. — Tuan M. Burns, Jurutera Pengeluaran yang menjaga kapal terbang jenis Viscount di-Singapura telah tiba di-sini baharu2 ini kerana memeriksa sa-chara teknik keadaaan lapangan terbang di-sini.

Tuan Burns berkata bahawa Brunei mempunyai sa-buah lapangan terbang yang baik dan boleh membekalkan kapal terbang2 dengan 8,000 gelen minyak sa-kurang2-nya.

Baharu2 ini depot minyak di-lapangan terbang itu telah di-besarkan supaya kapal terbang2 jenis Viscount boleh mendapat layanan.

Kapal terbang Viscount akan memulakan perkhidmatan-nya ka-kawasan2 Borneo pada 14 December ini mengikut penerbangan berjual dari Singapura ka-Manila dan Hongkong.

Kapal terbang itu akan singgah di-Brunei.

Peperiksaan kelas petang di-Brunei

BANDAR BRUNEI. — Peperiksaan Inggeris bagi penuntut2 kelas petang di-seluruh Negeri Brunei akan di-adakan di-Bandar Brunei Kuala Belait dan Seria pada 7 dan 8 December ini.

Tempat2 peperiksaan ia-lah Sultan Omar Ali Saifuddin College Bandar Brunei, Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dan Anthony Abell College, Seria.

Penuntut2 dari darjah Primary II hingga Form I akan di-periksa dalam bahasa Inggeris dan renchana.

Bayaran ia-lah \$2 bagi satu2 perkara.

GERAKAN MENYUMPUT ANJING

BANDAR BRUNEI. — Satu gerakan menghapuskan anjing2 yang tidak berlesen sedang dijalankan di-sini.

Anjing2 yang berkeliaran itu di-sumput oleh kaki tangan Pejabat Bandaran yang berkenaan.

Dalam satu siaran Pejabat Bandaran mengingatkan orang2 yang mempunyai anjing yang berlesen supaya menjaga anjing mereka sa-masa gerakan itu di-jalankan.

Faham barat perlu di-kaji sa-belum di-terima

BANDAR BRUNEI. — Sa-bagai yang kita ketahui zaman ini ia-lah zaman kesedaran. Seluruh-nya mengkehendaki dalil2 yang terang dan penjelasan yang sa-benar-nya serta logik yang dapat diterima oleh akal.

Dalam soal keruntuhan ikhlak saya ingin menjelaskan mengapa moral manusia sa-makin sa-hari sa-makin runto. Keruntuhan moral itu ialah bersebab dari kekurangan pendidikan ikhlak dan budi.

Tetapi jawapan saperti ini tidak memuaskan kerana jawapan itu tidak terang dan jelas.

Keruntuhan ikhlak bukan sahaja hanya terdapat di-sekitar tanah ayer kita malahan soal ini boleh di-katakan sa-rata dunia sedang menghadapi-nya.

Perkara keruntuhan ikhlak sangat sering di-perbincangkan tetapi sangat sedikit yang mengkaji di-mana asal usul datang-nya keruntuhan itu, dan bagaimana langkah yang patut di-ambil untuk

menchegah-nya supaya tidak menjadi berpanjangan.

Untuk menerangkan hal ini perbandingan ikhlak antara zaman sekarang dan zaman dahulu ada-lah satu perkara yang sangat mustahak.

Pada abad yang silam, pada zaman dato moyang kita ia-itu sa-masa manusia maseh kolot dan tidak mengenal apa yang kita katakan temaddun dan kemajuan, krisis moral tidak di-dapati saperti hari ini.

Pada masa itu mereka tidak mengenal apa itu peraduan memilih ratu kechantean, ratu pakai dan ratu itu dan ini yang serba sa-kejap di-adakan di-sana sini pada masa ini.

Tetapi apa yang mereka buat pada zaman yang silam itu adalah semua-nya mengikut adat pada zaman itu.

Pada masa ini kemajuan pelajaran, pengetahuan telah membombong tinggi dan di-bangga2kan dan berikutan dengan kemajuan itu kedudukan ikhlak sapatut-nya bertambah tinggi pula.

Tetapi hal ini ada-lah sa-balek-nya. Nilai moral telah turun dan kita telah jauh tersasul dalam memperhargai ikhlak mengikut faham barat dengan tidak mahu mengkaji baik burok-nya terlebih dahulu.

Kita hanya pandai memilih tetapi tidak pandai memakai dan tidak mahu mengkaji sama ada apa yang datang dari barat itu semua-nya bernilai tinggi.

Dan oleh sebab pelajaran yang chenderong kepada faham barat itu kita sangat lekas mengikut dan membuang adat dan tata tertib yang telah di-buat oleh nenek moyang kita itu.

Kita tidak mahu lagi memerhatikan keburokan di-kalangan masharakat barat pada hari ini.

Tetapi jika kita tinjau baik2 tidak dapat tiada kita akan nampak bahawa di-sana banyak terdapat perkara2 yang melnggar tata tertib ikhlak manusia yang tidak sa-suai dengan adat dan tata tertib negeri kita. (M. Samsinah)

RAJIN DAN USAHA ITU TANGGA KEJAYAAN

BANDAR BRUNEI. — Kejaya'an sa-saorang di-segala segi lapangan adalah hasil kerajinan dan usaha-nya. Jika hendak menchapai chita2 kita mesti-lah berusaha terlebih dahulu.

Di-samping berusaha dengan tekun dan rajin kita hendak-lah juga mempunyai keyakinan bahawa usaha kita itu tidak akan sia2.

Dalam membuat sa-suatu pekerjaan sa-saorang itu boleh lekas bosan dan tidak sabar menempoh segala kesulitan. Kebesaran itu biasa-nya membantu menjayakan usaha kita bagi menyepornakan chita2.

Kita ta' boleh berharap kepada takdir sahaja untuk menchapai chita2 kita, kerana Tuhan telah memberi kebolehan dan kelebihan yang bersendirian kepada sa-saorang itu.

Mereka yang bekerja dengan giat sa-hingga ta' mengenal penat dan lelah untuk kepentingan diri akhir-nya mendapat kejayaan.

Lihat-lah bangsa2 asing di-negeri ini yang telah kaya raya kerana kerajinan dan ketekunan mereka.

— A.A.A.

ISLAM DI-SHARATKAN MENJADI UGAMA RASMI NEGERI BRUNEI

(Dari Muka 4)

BAHAGIAN II UGAMA

3. (1) Uagama rasmi bagi negeri ia-lah Uagama Islam menurut ahli Al-sunnah Waljemaah tetapi uagama2 yang lain boleh di-amalkan dengan aman dan semporna oleh mereka yang mengamalkan-nya.

(2) Ketua Uagama Negeri ia-lah Sultan.

(3) Pegawai yang kanan sa-kali yang bertanggung jawab kepada Sultan berkenaan dengan Uagama, Adat Istiadat dan Kebajikan Negeri ia-lah pertama Pengetua Uagama, kedua yang Di-pertua Adat Istiadat dan ketiga Pegawai Kebajikan Mesharakat.

BAHAGIAN III KUASA MEMERENTAH

4. (1) Kuasa memerintah yang tertinggi bagi negeri ada-lah terletak di-dalam tangan Sultan.

(2) Terta'alok kepada perlembagaan ini dan kepada lain2 undang2 bertulis, berkuasa memerintah negeri hendak-lah di-jalankan oleh Sultan sendiri atau oleh pegawai2-nya yang menjalankan dengan nama dan bagi pehak baginda.

(3) Maka hendak-lah di-adakan sa-orang Menteri Besar dan terta'alok kepada perlembagaan ini dan sa-barang undang2 bertulis, dia ada-lah bertanggung jawab kepada Sultan bagi menjalankan semua kuasa memerintah dalam negeri.

(4) Menteri Besar itu akan di-hantu oleh —

(a) Setia Usaha Kerajaan, yang akan menjadi pegawai yang

besar sa-kali bagi mengawal sakalian perkara2 pentadbiran;

(b) Peguam Negara, yang akan menjadi pegawai yang besar sa-kali bagi mengawal sakalian perkara2 undang2; dan

(c) Pegawai Kewangan Negeri, yang akan menjadi pegawai yang besar sa-akil bagi mengawal sakalian perkara2 kewangan.

(5) Maka tidak sa-siapa pun boleh di-lantek menjadi Menteri Besar atau menjadi Setia Usaha Kerajaan melainkan dia itu orang Melayu yang berugama Islam mengikut Muzhab Shfae ahli Sunnah Waljummah.

(6) Menteri Besar dan Setia Usaha Kerajaan hendak-lah di-lantek oleh Sultan dengan surat perintah yang di-tanda tangan oleh-nya serta di-chap dengan mohar kerajaan dan akan memegang jawatan masing2 chuma sa-lama yang di-sukai oleh baginda.

(7) Peguam Negara dan Pegawai Kewangan Negeri akan di-lantek oleh Sultan dengan siaran dalam warta kerajaan dan terta'alok kepada peratoran2 yang di-buat di-bawah bab 77, akan memegang jawatan masing2 chuma sa-lama yang di-sukai oleh beginda.

BAHAGIAN IV MAJLIS MESHUARAT DIRAJA

5. (1) Hendak-lah ada sa-buah Majlis Meshuarat Diraja di-dalam dan bagi negeri yang di-tubuhkan menurut bahagian ini.

(2) Ahli2 Majlis Meshuarat Diraja ia-lah —

(a) Pemangku Raja, sa-kiranya Jemaah Pemangku Raja telah di-lantek;

(b) Enam orang ahli2 rasmi kerana jawatan (ex-officio) ia-itu Wazir2, Menteri Besar, Setia Usaha Kerajaan, Penasihat Uagama dan orang yang memegang jawatan lain yang dari sa-masa ka-samasa di-istiharkan oleh Sultan dengan pemashhoran dalam warta kerajaan;

(c) Pesuruh Jaya Tinggi; dan

(d) Orang2 lain (yang akan dinamakan "ahli2 di-lantek") yang di-lantek oleh Sultan dengan surat perintah yang di-chap dengan mohar kerajaan.

(Bersambung)

KUTIPAN BUNGA POPPY

KUALA BELAIT. — Kutipan Hari Bunga Poppy di-jajahan Belait telah menghasilkan sa-banyak \$2,655.24.

Ini telah di-nyatakan oleh Tuan R.G.P.N. Combe, President Persatuan Bekas Ahli2 Tentera, di-majlis minuman 'cocktail' Hari Bunga Poppy yang di-adakan pada tiap2 tahunitu.



Sa-rombongan murid2 Sekolah China di-Bandar Brunei dan guru2 mereka telah datang ka-Civic Centre, Bandar Brunei, kerana menyaksikan pameran lukisan anjoran sharikat minyak B.S.P. dalam minggu lepas.

KELAS DEWASA UGAMA DAPAT SAMBUTAN

SERIA. — Hampir 80 orang dewasa di-bandar ini telah masoki kelas dewasa uagama di-Sekolah Melayu Muhammad Alam di-sini semenjak kelas itu di-tubuhkan tiga bulan dahulu.

Kelas itu di-pimpin oleh sa-orang guru uagama dari Pejabat Uagama Brunei dan di-adakan pada tiap2 petang hari Juma'at, Sabtu dan Ahad.

Kemajuan kelas itu ada-lah menggembirakan kerana bilangan penuntut2-nya ada-lah hampir

tiga kali ganda ramai-nya dari bilangan dalam bulan pembukaan.

Keadaan ini merunsingkan penuntut2 itu kerana mengikut sa-orang penuntut kelas itu sudah patut di-bahagi kepada dua atau tiga kelas.

Penjaga gol di-halau keluar dari padang

DI-TUDOH MENUMBOK LAWAN

KUALA BELAIT. — Penjaga goal pasukan polis, Ibrahim telah di-halau keluar dari padang oleh Referee Murni kerana melanggar tertib permainan dalam perlawanan dengan Kuala Belait Recreation Club pada minggu lepas.

Perlawanan itu ialah antara pasukan2 bahagian dua kerana merebutkan piala Higgins.

Mengikut penyata referee, Ibrahim di-katakan telah menumbok Salleh bin Samat, sayap kiri KBRC. Permainan pada hari itu istimewa kerana kekasaran.

Ibrahim mungkin di-tuduh dengan kesalahan itu di-hadapan lembaga tata tertib permainan Brunei State Amateur Football Association.

Dalam permainan itu pasukan

KBRC telah mendapat kemenangan 3 gol berbalas 1 di-sumbatkan oleh Salleh, Yusof dan Bakar. Bagi pehak polis gol itu telah di-jaringkan oleh A.S.P. Ja'afar.

Lain2 keputusan perlawanan bola sepak bahagian dua yang diadakan dalam minggu lepas ialah :

KBRC 2 gol kalah kapada Malay Club 3 gol, P.W.D. Belait Sport Club 10 gol mengalahkan Kadazan Association 1 gol, Sekolah Pertukangan 1 gol kalah kapada Dayak Club 3 gol.

Sport Club 10 gol mengalahkan Kadazan Association 1 gol, Sekolah Pertukangan 1 gol kalah kapada Dayak Club 3 gol.

Berikutan dengan kemenangan P.W.D. Belait Sports Club dalam perlawanan dengan Kadazan Association itu ada kemungkinan pasukan itu akan memasuki pertandingan bahagian pertama dalam tahun hadapan.

Pasukan P.W.D. Belait itu telah pun menang berturut2 dalam tiga perlawanan.

Keputusan perlawanan sa-tengah akhir

TUTONG. — Dua perlawanan sa-tengah akhir pertandingan bola sepak antara sekolah2 seluruh Negeri Brunei telah di-adakan di-sini pada petang 26 November yang lalu.

Perlawanan itu telah mendapat sambutan baik dari para penonton.

Dalam pertandingan Bahagian "A" ia-itu murid2 yang tingginya 4 kaki 8 inci dan ka-bawah, Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait telah mengalahkan Sekolah Melayu Sinaut, Daerah Tutong dengan 1 gol tidak berbalas.

Dengan kemenangan-nya itu, Sekolah Ahmad Tajuddin akan melawan pasukan Sultan Omar Ali Saifuddin College dalam perlawanan akhir di-Padang Besar Pekan Brunei pada 4 petang 6 December ini.

Anthony Abell College, Seria telah seri, 3 gol balas 3 dalam satu lagi perlawanan sa-tengah akhir antara murid2 16 tahun ka-bawah dengan Sekolah Melayu Muda Hashim, Daerah Tutong di-sini pada petang 26 November yang lalu.

Kedua pasukan tersebut akan berlawan sa-kali lagi di-Padang Kuala Belait pada petang 5 December.

Pasukan yang menang dalam perlawanan tersebut akan melawan Sultan Omar Ali Saifuddin College dalam perlawanan akhir di-Padang Pekan Brunei pada petang 10 December ini.

Harga getah minggu lalu

HARGA getah bagi minggu yang berakhir pada 1 December ini ialah \$1.41½ sa-paun.

Dayak kalahkan pasukan sekolah

SERIA. — Pasukan bola sepak Dayak Club telah mengalahkan Sekolah Pertukangan tiga gol berbalas satu dalam perlawanan bahagian dua kerana merebutkan piala Higgins di-padang Shell Recreation Club pada hari Juma'at lepas.

Pasukan Dayak itu telah menyumbatkan ketiga2 gol itu dalam permainan pertengahan pertama.

PENERBANGAN PERCHUBAAN



Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassanal Bolkiah ialah salah sa-orang daripada 40 orang yang telah di-jemput oleh sharikat Malayan Airways menaiki kapal terbang jenis Viscount yang akan memulakan perkhidmatan-nya antara Malaya dengan Brunei dalam bulan ini.

CHEGAHAN KA-ATAS PEMAIN BOLA SEPAK DARI LUAR DAERAH

KUALA BELAIT. — Satu bangkangan daripada pasukan Polis Kuala Belait bahawa Kuala Belait Recreation Club ada-lah menggunakan pemain2 dari Bandar Brunei kerana pertandingan2 merebutkan piala Higgins bahagian pertama telah mendapat sokongan daripada persatuan Brunei State Amateur Football Association.

Pasukan Polis telah menuduh bahawa KBRC telah memberi nama empat orang pemain dari Bandar Brunei kerana pasukan-nya yang di-jadualkan bertanding pada hari Sabtu lepas.

Oleh sebab bangkangan itu di-

sokong oleh persatuan Brunei State Amateur Football Association pertandingan itu telah ditangguhkan.

Pada masa yang akan datang pemain2 dari luar daerah tidak di-benarkan menjadi ahli pasukan2 yang bertanding kerana merebutkan piala Higgins itu.

Tawaran membersehhkan pejabat2 kerajaan bagi tahun hadapan

BANDAR BRUNEI. — Tawaran2 kerana membersehhkan Pejabat2 Kerja Raya, Kastam dan Marine di-Bandar Brunei akan di-terima oleh Pengerusi Lemabaga Tawaran Brunei sa-hingga 8 December ini.

Butir2 yang kenyataan berkenaan dengan tawaran itu boleh di-dapati dari Pejabat Jurutera Negeri pada masa bekerja.

Bayaran chengkeram tawaran ia-lah \$100 dan tawaran itu hendak-lah di-buat di-atas borang2 tawaran yang di-tentukan dan boleh di-dapati pada masa membayar chengkeram tawaran.

Tawaran2 yang di-terima selepas tarikh itu tidak akan mendapat layanan.

RANCHANGAN TEMASHA KESELAMATAN JALAN RAYA

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Brunei State Motor Club dan Lembaga Keselamatan Jalan Daerah Belait akan melancarkan satu kempen kerana meninggikan darjah memandu kereta pada awal tahun hadapan.

Kempen itu akan di-sertai oleh ratu keselamatan jalan Puan Constance D.Costa dan rakan2-nya.

Ranchangan2 mengenai kempen itu telah di-ator dalam satu mesuarat Majlis Keselamatan Jalan Daerah Belait, Brunei State Motor Club dan pegawai2 kerajaan.

Antara achara2-nya ialah mengadakan gymkhana dalam minggu kempen itu di-jalankan.

Achara2 lain termasuklah ranchangan2 yang akan di-jalankan oleh pehak Polis mengetua2 sekolah dan jawatan-kuasa yang berkenaan.

ROMBONGAN PEMAIAN DARI BORNEO

BANDAR BRUNEI. — S rombongan pemain2 basketball terdiri dari ahli2 Jesselton Amateur Basketball Association akan melawat ka-Brunei untuk mengadakan perlawanan dengan pasukan2 tempatan dalam bulan December ini.

Pasukan itu akan tiba di-Brunei pada 11 December dan tinggal di-sini hingga 19 December. Dalam masa itu pasukan tersebut akan mengadakan perlawanan dengan pasukan2 di-Bandar Brunei, Seria dan Kuala Belait dibawah anjoran Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah2 China, Brunei.

Samentara itu satu pasukan basketball dari Brunei dengan diketuai oleh Tuan Ong Kim Kee, Yang Dipertua Persatuan Bekas Penuntut2 Sekolah2 China, Brunei akan melawat ka-Jesselton untuk mengadakan perlawanan dengan pasukan2 di-sana pada masa Tahun Baharu China akhir bulan January hadapan.

Negeri2 Borneo mungkin bersatu

SINGAPURA. — Gabenor Sarawak Sir Anthony Abell yang telah bersara itu berkata di-sini baharu2 ini bahawa Sarawak akan mendapat pemerintahan sendiri di-masa akan datang.

Di-satu pertemuan akhbar sa-jurus sa-lepas sampai di-Singapura dari Sarawak dengan kapal, Sir Anthony berkata "Sarawak telah chukup maju di-segala lapangan semenjak negeri itu di-serahkan kepada Britain sa-lepas perang dunia yang kedua."

"Tidak shak lagi di-masa akan datang, Sarawak yang mempunyai harapan besar di-masa hadapan akan memerintah sendiri."

Ra'ayat Sarawak, kata-nya, mempunyai kesedaran politik dan parti2 politik akan hidup sa-terus-nya.

Sir Anthony berkata bahawa bahaya dari pemeresapan komunis tidak besar di-Sarawak. "Bahaya Komunis tidak sa-bagitu besar di-Sarawak jika di-bandingkan dengan negeri2 lain", kata-nya.

Sir Anthony berharap bahawa pada satu masa kelak Sarawak akan bersatu dengan Borneo Utara dan Brunei.

Akan tetapi ranchangan ini ada-lah satu perkara yang akan mengambil masa dan tidak akan dapat di-laksanakan beberapa lama lagi."

Sir Anthony berkata bahawa ia-nya menyokong kegunaan bahasa Melavu sa-bagai bahasa perantaraan di-tiga2 buah kawasan Borneo.

Tetapi oleh sebab bahasa Me-

Ranchangan tentera simpanan di-Malaya

KUALA LUMPUR. — Menteri Pertahanan Persekutuan Tanah Melayu Tun Abdul Razak telah berkata di-sini baharu2 ini bahawa tentera daerah akan menjadi tentera simpanan yang besar sa-kali di-Malaya mengandungi 10,000 orang termasuk pegawai2-nya.

Menteri itu telah menegaskan bahawa dengan ada-nya tentera2 commonwealth di-Malaya "bukan-lah menjadi satu jaminan kepada kemerdekaan negeri ini".

Ia-nya menambah kata bahawa dengan chara berchermat menyoan wang perbelanjaan dan dengan membentok tentera simpanan, tentera tetap boleh digunakan jika berlaku pencherobohan.

Kata-nya, "Malaya saperti lain2 negeri, sedar bahawa ia-nya tidak boleh mempertahankan diri sendiri terhadap pencherobohan.

Yang demikian ada-lah mustahak bagi-nva mengikat perjanjian dengan lain2 negeri.

layu itu tidak berapa sa-suai di-lapangan perniagaan dan perhubungan di-antara bangsa2, pengetahuan bahasa Inggeris akan menolong ra'ayat negeri2 ini.

Sa-telah tinggal sa-lama dua hari di-Singapura, Sir Anthony pun terbang ka-Hong Kong untok berehat sa-lama dua minggu sa-belum balek ka-England.

INDONESIA CHEGAH SAUDAGAR2 CHINA

JAKARTA. — Indonesia masih berdiri tegoh atas sikap-nya melarang saudagar2 China di-kampung2 dan bukan menjadi warga negara dengan mengeluarkan dua pengumuman atas dasar, sa-lepas kechaman dari pehak Kedutaan China Komunis di-Jakarta.

President Sukarno telah mengesahkan sa-kali lagi larangan itu dengan mengeluarkan satu perintah khas sa-lepas berunding dengan menteri2 yang kanan dalam Juma'ah Menteri.

Sa-orang juruchakap Kementerian Luar Indonesia berkata bahawa pegawai2 dari Kedutaan China telah membuat pengumuman yang menyakitkan hati berkenaan dengan larangan itu dan ada-lah menjadi tanggung jawab Kerajaan China bagi menggelakkan dari sa-barang tindakan atau pengumuman yang akan menyalakan semangat benchikan China."

Tindakan ini ada-lah berikutan dengan satu siaran akhbar Kedutaan China yang menggesa kerajaan Indonesia supaya mengambil langkah dengan serta merta bagi memberhentikan di-ayah dan tindakan2 yang berupa benchikan China."

Pemerhati2 di-Jakarta berkata bunyi pengumuman2 kerajaan Indonesia dan China itu, ada-lah membayangkan perpechahan perhubungan antara kedua2 buah negeri itu di-sebabkan larangan yang mengancam itu.

Larangan itu berma'ana bahawa lebih dari sa-tengah juta orang2 China yang tinggal di-Indonesia akan terpaksa menutup kedai2 mereka pada hujung tahun ini.

British

KEBEBASAN PERJALANAN DI-MALAYA DAN S'PURA

KUALA LUMPUR. — Kerajaan2 Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu telah mengumumkan bahawa mereka telah bersetuju membatalkan kegunaan visa bagi penumpang2 kapal terbang yang singgah dalam perjalanan.

Satu pengumuman berkata :

"Penumpang2 yang singgah kerana menukar perjalanan atau kapal terbang di dalam kedua buah negeri maseh di-kehendaki memakai visa pada surat2 pengembaraan mereka melainkan jika mereka itu warga negara negeri2 yang telah membuat perjanjian membatalkan kegunaan visa dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu atau United Kingdom dan perjanjian itu di-kenakan kapada Singapura.

PERTAHANAN SEMPADAN INDIA DI-KAJI

NEW DELHI. — Pegawai2 kanan tentera India telah bermeshuarat di-New Delhi dalam minggu lepas atas soai mengulangkaji pertahanan negeri berikutan dengan pergerakan2 tentera China yang akhir sa-kali di-sepanjang sempadan utara.

Sungguh pun meshuarat itu di-sifatkan sa-bagai meshuarat biasa yang di-adakan dua kali sa-tahun antara panglima2 tentera, tetapi ada-lah di-fahamkan bahawa ancaman tentera China dari kawasan Himalaya itu telah menjadi satu perkara yang lama sa-kali di-binchangkan di-meshuarat yang mengambil masa sa-lama 4 jam itu.

Pegawai Turus Agong Tentera India, General K.S. Thimayya di-fahamkan telah mengambil langkah yang teliti untok mempertahankan sempadan semenjak pehak tentera menerima kuasa, dan telah menegaskan betapa mustahak-nya di-adakan kawalan yang rapi.

Kedua2 orang panglima tentera yang bertanggung jawab atas soal pertahanan sempadan utara, iaitu Lieutenant General S.P.P. Thorat bagi kawasan timur dan Lieutenant General P.N. Thaver bagi kawasan barat telah hadir di-meshuarat tersebut.

Ranchangan kilang penapis minyak Shell di-Malaya

KUALA LUMPUR. — Sharikat Minyak Shell di-Persekutuan Tanah Melayu telah mengumumkan pada minggu lepas di-sini bahawa sharikat itu akan mendirikan satu kilang penapis minyak yang berharga lebih kurang \$60,000,000.

Pengumuman ini berikutan dengan pengumuman yang telah dibuat terlebih dahulu oleh Sharikat Minyak Standard Vaccum bahawa sharikat itu akan menanam modal di-Malaya.

Pengumuman Sharikat Minyak Shell itu menyatakan bahawa manager-nya di-Malaya, Tuan J. M. St. G. Kirk telah berkata

yang sharikat-nya telah pun menjalankan penyiasatan untok mengadakan satu kilang penapis minyak pada awal tahun ini.

Kilang itu di-chadangkan untok menapis minyak mentah sebanyak 1,000,000 ton sa-tahun.

Jumlah itu akan menchukupi untok kegunaan negeri ini.



Jalan raya antara Bandar Brunei dengan lapangan terbang Berakas sedang di-baiki dan di-luruskan. Gambar ini menunjukkan pekerja2 Pejabat Kerja Raya menggunakan jentera2 membuat jalan.